

4B Malaysia akan sambut meriah Dr.M

IPOH, Isnin — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan diberi penuh penghormatan oleh seluruh anggota 4B Malaysia ketika merasmikan mesyuarat agung pergerakan tersebut di sini bulan November ini.

Penghormatan itu akan diketuai oleh Presiden 4B Malaysia, Datuk Haji Suhalmi Datuk Kamaruddin, yang juga Timbalan Menteri Pelajaran.

Di upacara pembukaan, para pemimpin 4B akan mengambil kesempatan menyatakan sokongan tidak berbelah bagi mereka terhadap kepimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir selaku Perdana Menteri keempat.

Perak telah dipilih menjadi tuanrumah mesyuarat agung tersebut yang akan berlangsung di Dewan Politeknik Ungku Omar di Jalan Diary di sini, mulai 20 November.

"Datuk Seri Dr. Mahathir telah bersetuju merasmikan mesyuarat itu sewaktu beliau masih menjadi Timbalan Perdana Menteri lagi," demikian diberitahu oleh Setiausaha Agung 4B Malaysia, Encik Zainal Abidin Husman.

Petang semalam Jawatankuasa Pelaksa-

naan Mesyuarat Agung itu yang diketuai oleh Ahli Parlimen Grik, Encik Mohd Tajol Rosli Tan Sri Ghazali, yang juga Pengerusi 4B Perak telah mengadakan satu mesyuarat jawatankuasa di sini.

Selain dari Encik Zainal Abidin, wakil-wakil Jawatankuasa Pusat 4B Malaysia juga turut hadir di mesyuarat tersebut.

Bangga

Bercakap sewaktu berbuka puasa di kediaman Ketua 4B Perak di sini, Encik Zainal Abidin menambah, mesyuarat itu dijangka hebat kerana pemilihan jawatankuasa pusat pergerakan itu akan diadakan sekali lagi.

Mesyuarat agung itu akan diadakan secara besar-besaran dan akan disertai oleh 950 perwakilan dari 12 buah negeri.

Pergerakan itu dijangka membelanjakan \$50,000 untuk mengelolai mesyuarat agung itu yang akan ditutup oleh Menteri Besar Perak, Datuk Seri Haji Wan Mohamed Haji Wan Teh, selaku Pengerusi Gabungan Belia Perak (GBP).

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia